



TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA KUALITI ALAM SEKELILING 1974 [AKTA 127]

P.U. (A) 276/93

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERWAKILAN KUASA KAWALAN PENCEMARAN MARIN) 1993

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 536/94

Tarikh diterbitkan dalam Warta :
Tarikh mula berkuatkuasa :

23 September 1993
24 September 1993

SUSUNAN PERINTAH

P.U. (A) 276/93

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERWAKILAN KUASA KAWALAN PENCEMARAN MARIN) 1993

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen (1) seksyen 49 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127], Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling membuat perintah yang berikut:

P.U. (A) 276/93

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERWAKILAN KUASA KAWALAN PENCEMARAN MARIN) 1993

Perintah 1. Nama.

Perintah ini bolehlah dinamakan Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) 1993.

P.U. (A) 276/93

PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERWAKILAN KUASA KAWALAN PENCEMARAN MARIN) 1993

Perintah 2. Perwakilan kuasa untuk menyiasat kesalahan-kesalahan tertentu.

Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dengan ini mewakilkan kuasa-kuasanya untuk menyiasat kesalahan-kesalahan di bawah seksyen 27 dan 29 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pegawai-pegawai awam berikut:

- (a) mana-mana pegawai pelabuhan dan timbalan pegawai pelabuhan yang dilantik di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [70/1950];
- (b) mana-mana pegawai pelabuhan, juruukur kapal dan inspektor yang dilantik di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (Sarawak) 1960 [Sarawak 2/1960];
- (c) mana-mana pegawai pelabuhan yang dilantik di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (Sabah) 1960 [Sabah 11/1960];
- (d) mana-mana pegawai perikanan yang dilantik di bawah Akta Perikanan 1985 [Akta 317];
- (e) mana-mana pegawai yang memerintah suatu vesel atau pegawai yang bertauliah Tentera Laut DiRaja Malaysia; dan
- (f) mana-mana pegawai kastam yang memerintah suatu vesel atau pegawai yang dilantik di Jabatan Kastam dan Eksais Malaysia.

[Pin. P.U. (A) 536/94]

P.U. (A) 276/93
PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERWAKILAN KUASA KAWALAN PENCEMARAN MARIN) 1993

Perintah 3. Pembatalan.

Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa) 1976 [P.U.(A) 51/76] dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 18hb Ogos 1993.

[AS. (S) 91/110/902/069/(6); PN. (PU²) 280/IV.]

DATO' DR ABU BAKAR BIN JAAFAR,
Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

P.U. (A) 276/93
PERINTAH KUALITI ALAM SEKELILING (PERWAKILAN KUASA KAWALAN PENCEMARAN MARIN) 1993

SENARAI PINDAAN

<i>Undang-undang yang meminda</i>	<i>Tajuk ringkas</i>	<i>Berkuat kuasa dari</i>
P.U. (A) 536/94	Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Perwakilan Kuasa Kawalan Pencemaran Marin) (Pindaan) 1994	30-12-1994